



## SIARAN AKHBAR

S.A. 2020/06/47 (HQ)

### TULAR BIL ELEKTRIK NAIK 600%: PENGGUNA TERIMA PENJELASAN TNB

Tenaga Nasional Berhad (TNB) merujuk kepada satu perkongsian yang tular di media sosial daripada seorang pengguna yang mendakwa menerima pelarasan bil dengan kenaikan 600 peratus.

Pihak TNB memahami perasaan pengguna tersebut yang terkejut menerima pelarasan bil dengan jumlah yang lebih daripada kebiasaan, kata Ketua Pegawai Korporat TNB, Datuk Wira Roslan Ab Rahman.

“Pegawai kami telah menemui beliau semalam, 10 Jun 2020, Pertemuan tersebut membuka peluang untuk kami memberikan penjelasan mengenai isu yang beliau utarakan. Kami juga berterima kasih atas pandangan yang beliau kongsiikan.

“Kami telah menyemak bil beliau dan mendapati terdapat salah faham mengenai pengiraan bil. Amaun bil beliau untuk bulan April, Mei dan Jun meningkat 120 peratus sahaja setiap bulan.”

Dalam pertemuan tersebut, pengguna menerima penjelasan pegawai TNB bahawa cara perkiraan bil melalui kaedah prorata memastikan pengguna tidak terbeban dengan jumlah bil yang tinggi.

“Sebagai syarikat yang dikawal selia Suruhanjaya Tenaga (ST), kami tertakluk kepada syarat lesen yang diberikan termasuklah tidak menggunakan kaedah pengiraan bil sewenang-wenangnya.

“Kaedah ini mendapat kelulusan ST dan ia memastikan pengguna tidak terbeban dengan jumlah bil yang melampau,” jelas Roslan.

Beliau turut mengulangi saranan agar pengguna yang terkesan dengan pelarasan bil semasa tempoh Perintah Kawalan Pergerakan untuk menghubungi TNB untuk mendapat penjelasan.

“Gunakanlah saluran yang sesuai untuk mendapat maklumat yang tepat. Pegawai khidmat pelanggan kami sentiasa bersedia memberikan penjelasan. Hubungi kami di TNB CareLine di talian 1300 88 5454 atau facebook TNB CareLine atau kunjungi Kedai Tenaga yang berhampiran,” katanya.

**Dikeluarkan di Kuala Lumpur pada 11 Jun 2020, jam 4:15 petang**

*Untuk pertanyaan lanjut media, sila hubungi Fitri Majid di talian 013-3626923 /  
Grace Tan di talian 016-6626229 / Nasir Aziz di talian 018-9434524  
atau emel ke [media@tnb.com.my](mailto:media@tnb.com.my)*

**Caption:**



TNB menyarankan pengguna yang terkesan dengan pelarasan bil semasa tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (KPK) untuk mendapatkan penjelasan daripada pegawai khidmat pelanggan sama ada melalui TNB CareLine mahupun dengan mengunjungi Kedai Tenaga berhampiran.